

11 SEP 1996

Mahathir-Sarji

MAHATHIR TERIMA KUNJUNGAN PERPISAHAN AHMAD SARJI

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini membuat kunjungan perpisahan terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini.

Pertemuan itu berlangsung selama setengah jam.

Perkhidmatan Ahmad Sarji akan tamat 16 Sept ini. Beliau telah menjadi kakitangan perkhidmatan awam selama 35 tahun.

Beliau digantikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali, yang akan memulakan tugas pada 17 Sept. Beliau dijadual menyerah tugas secara rasmi kepada Abdul Halim esok.

Ahmad Sarji, yang genap 58 tahun pada 16 Sept ini, dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara dan Setiausaha kepada Kabinet pada 1 Feb 1990.

Beliau mencapai persaraan pada 1993 tetapi perkhidmatannya disambaung secara kontrak sebanyak dua kali -- yang pertama selama dua tahun mulai 16 Sept 1993 dan kedua selama setahun mulai 16 Sept tahun lepas.

Ahmad Sarji juga ialah Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Perdana Menteri juga menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan Dr Han Seung-Soo dan kemudiannya Setiausaha Pertahanan Britain Michael Portillo.

Han tiba di sini pagi ini untuk lawatan dua hari.

Beliau juga akan mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Seri Anwar Ibrahim esok dan melawat projek Kuala Lumpur City Centre di Jalan Ampang.

Portillo, yang juga tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari, diiringi oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar.

Beliau dijadual melawat pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia dan ibu pejabat Sistem Pertahanan Udara Bersepadu di Butterworth. -- BERNAMA

AFY NAK MAI